

Personaliti pilihan

Ruangan personaliti untuk edisi kedua ini menampilkan seseorang yang tidak asing kepada warga PPKAS dan warga UniMAP amnya. Personaliti tersebut ialah Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan) PPKAS iaitu Encik Saiful Azhar Saad.

Dilahirkan pada 22 Julai 1976, anak jati negeri Perlis ini merupakan anak kedua daripada lima orang adik-beradik. Encik Saiful Azhar telah bertemu jodoh dengan pasangannya, Puan Jamilah Ahmad yang kini bertugas di UiTM Perlis. Hasil perkongsian hidup yang bahagia, pasangan ini dikurniakan dua orang cahaya mata yang comel. Selain dari membaca buku untuk menambahkan pengetahuan, beliau sebenarnya gemar bermain badminton dan ping pong untuk mengisi masa lapang.

Berikut adalah temubual Buletin Environ (BE) bersama Encik Saiful Azhar atau lebih mesra dengan panggilan Encik Saiful (SA).

BE : Assalamualaikum wbt. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama BE. Boleh Encik Saiful menceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan encik?

SA : Waalaikummussalam wbt. Selepas menghabiskan pelajaran peringkat sekolah rendah, saya memulakan persekolahan menengah rendah di Sekolah Menengah Syed Sirajuddin, Jejawi dari tahun 1989 hingga 1991 sebelum melanjutkan pelajaran menengah atas di MRSM Beseri pada tahun 1992. Pada tahun 1994, saya telah mengambil GCE A-Level di Kolej Mara Banting. Melanjutkan pelajaran ke menara gading adalah impian saya sejak kecil. Justeru, saya memulakan langkah pertama dengan mengambil Program Ijazah tahun pertama di PPP-ITM/NCUK, Seksyen 6 Shah Alam dari 1996-1997. Selepas itu, iaitu pada tahun 1997 hingga 1999 saya melanjutkan pelajaran ke University of Glamorgan, Wales, United Kingdom dan berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia. Selepas pulang ke Malaysia, saya

melanjutkan pelajaran secara sambilan di Universiti Putra Malaysia dari tahun 2002 dan berjaya memperoleh Master in Environmental Engineering.

BE : Apakah pengalaman Encik Saiful sebelum menjejakkan kaki ke UniMAP?

SA : Saya memulakan kerjaya pertama sebagai guru sandaran selama dua tahun (1999-2000) di beberapa buah sekolah di Sekitar Perlis. Bermula pada tahun 2000, saya bertugas sebagai Pensyarah Kontrak di UiTM Perlis selama lebih kurang 4 tahun

BE : Sejak bilakah Encik Saiful memulakan kerjaya di UniMAP?

SA : Kerjaya saya di UniMAP bermula pada 10 Januari 2005 dengan menjawat jawatan sebagai pensyarah di PPK Bahan. Tugas utama saya adalah membantu pihak konsultan untuk membangunkan struktur kurikulum untuk Rancangan Kejuruteraan Alam Sekitar. Pada 1 Januari 2006, saya dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) setelah PPKAS ditubuh dengan rasminya.

BE : Penyelidikan yang dilakukan dan kejayaan yang diperolehi?

SA : Sehingga kini saya telah menerbitkan sekitar 30 kertas kerja prosiding, empat jurnal tempatan dan luar negara. Saya pernah menyertai pertandingan rekabipta IPTA 2005 dan ITEX 2006. Saya telah memenangi pingat gangsa dalam Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Peringkat KUKUM yang diadakan pada November 2006. Saya akan mempertandingkan produk tersebut di ITEX 2007 yang akan diadakan pada Mei 2007.

BE : Apakah strategi Encik Saiful untuk menjamin kejayaan seseorang pelajar?

SA : Saya lebih menitikberatkan agar pelajar menumpukan sepenuh perhatian mereka semasa kuliah dan segera melakukan ulangkaji

pelajaran yang telah diajar agar lebih difahami dan diingati.

BE : Apakah harapan terhadap pelajar PPKAS?

SA : Saya amat berharap agar pelajar-pelajar berjaya mendapat kejayaan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

BE : Bagaimana pula harapan terhadap PPKAS ?

SA : Saya berharap agar PPKAS berjaya melahirkan graduan yang berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

BE : Prinsip hidup Encik Saiful?

SA : Usaha tangga kejayaan.

BE : Terima kasih Encik Saiful kerana sudi meluangkan masa bersama BE.

SA : Sama-sama.

